



31 Januari 2013
31 January 2013
P.U. (A) 28

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN) (NO. 4) 2013

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 4) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 4) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No. 4) 2013**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013.

Tafsiran

2. (1) Dalam Perintah ini—

“bangunan” ertinya suatu bangunan yang terletak dalam *Tun Razak Exchange* yang telah dibina oleh pemaju yang diluluskan selaras dengan pelan pembangunan bagi *Tun Razak Exchange*;

“pelupusan” termasuk layanan stok dagangan menurut subseksyen 24(2) Akta;

“pemaju yang diluluskan” ertinya—

(a) sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dan bermastautin di Malaysia untuk menjalankan pembangunan dalam *Tun Razak Exchange* selaras dengan pelan induk *Tun Razak Exchange* yang diluluskan; dan

(b) sebuah syarikat yang diluluskan oleh Menteri;

Tun Razak Exchange

3. *Tun Razak Exchange* ertinya kawasan yang dirujuk dalam pelan pembangunan diluluskan bagi *Tun Razak Exchange* ke atas sebahagian Lot 1164, Lot 1207, Lot 1209, Lot 1210, Lot 1217, PT 122 Seksyen 62, Lot 205 – lot 208, sebahagian Lot 209, Lot 733, Lot 956, Lot 1309 – Lot 1311, Lot 1313, Lot 1314, Lot 1393, Lot 1364, PT 86, PT 109 – PT 121, PT 123 Seksyen 67 di Jalan Tun Razak/Jalan Davis, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur termasuk mana-mana pertukaran berikutnya sebagaimana diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pengecualian

4. (1) Menteri mengecualikan pemaju yang diluluskan daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan tujuh puluh peratus pendapatan berkanunnya yang terbit daripada—

(a) pelupusan mana-mana bangunan atau hak ke atas mana-mana bangunan atau sebahagian bangunan sehingga tahun taksiran 2022, tertakluk kepada maksima lima (5) tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun pertama taksiran pemaju yang diluluskan itu memperoleh pendapatan berkanun dari pelupusan tersebut (selepas ini disebut sebagai “tahun-tahun taksiran dikecualikan”); dan

(b) sewa suatu bangunan atau sebahagian suatu bangunan sehingga tahun taksiran 2027, tertakluk kepada maksima lima (5) tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun pertama taksiran pemaju yang diluluskan itu memperoleh pendapatan berkanun dari aktiviti sewaan tersebut (selepas ini disebut sebagai “tahun-tahun taksiran dikecualikan”).

(2) Apa-apa amaun pendapatan berkanun pemaju yang diluluskan bagi suatu tahun taksiran daripada suatu punca yang terdiri daripada perniagaan yang disebut dalam subsubperenggan 3(1)(a) atau (b) yang tidak dikecualikan di bawah Perintah ini hendaklah disifatkan sebagai jumlah pendapatan pemaju yang diluluskan itu.

(3) Menteri boleh menarik balik pengecualian cukai atas pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (1) jika pemaju yang diluluskan gagal untuk menjalankan aktiviti pembangunan selaras dengan pelan induk *Tun Razak Exchange* atau gagal mematuhi mana-mana syarat yang diluluskan yang telah ditetapkan oleh Menteri.

(4) Pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran yang dikecualikan hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang diberikan di bawah Jadual 3 Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat.

(5) Dengan syarat bahawa jika aset digunakan bagi maksud aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1) digunakan juga bagi maksud aktiviti atau perniagaan selain aktiviti itu yang mula-mula disebut, maka elaun yang diberikan di bawah Jadual 3 Akta hendaklah dipotong sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira setakat mana aset itu digunakan bagi maksud aktiviti yang mula-mula disebut itu.

(6) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan pemaju yang diluluskan daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberi apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Peruntukan khas bagi pemaju yang diluluskan

5. Bagi maksud perintah ini, pendapatan daripada pemaju yang diluluskan bagi aktiviti yang disebut dalam subperenggan 3(1)(a) hendaklah menggunakan—

(a) Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Pemajuan Harta) 2007 [*P.U. (A) 277/2007*] berhubung dengan kaedah *sell-then-build*; atau

- (b) Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Pemajuan Harta) 2007 [P.U. (A) 277/2007] kecuali peraturan 6, berhubung dengan kaedah *build-then-sell*.

Punca dan akaun berasingan

6. (1) Jika pemaju yang diluluskan menjalankan aktiviti yang dirujuk dalam perenggan 3(1)(a) and (b) dan apa-apa aktiviti atau perniagaan, setiap aktiviti atau perniagaan itu hendaklah dianggap sebagai suatu punca berasingan dan berbeza bagi aktiviti atau perniagaan itu.

(2) Pemaju yang diluluskan hendaklah menyenggara akaun berasingan bagi pendapatan yang terbit daripada aktiviti yang dirujuk dalam perenggan 3(1)(a) and (b) dan apa-apa aktiviti atau perniagaan.

Pelupusan bangunan

7. Apa-apa pelupusan bangunan yang dipegang untuk pelaburan oleh pemaju yang diluluskan yang pendapatan sewa telah dikecualikan di bawah perintah ini hendaklah dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [Akta 169].

Kerugian

8. Berhubungan dengan subsubperenggan 3(1)(b)—

- (a) apa-apa kerugian larasan yang berlaku sebelum dan dalam mana-mana tahun taksiran yang dikecualikan yang terbit daripada aktiviti yang disebut dalam subperenggan 3(1)(b) hendaklah dibawa ke hadapan dan dipotong daripada pendapatan berkanun bagi setiap aktiviti yang berkenaan selepas pasca tahun atau tahun-tahun taksiran yang dikecualikan itu sehingga kesemua amaun kerugian larasan ke atas pendapatan berkanun digunakan bagi setiap aktiviti itu; dan